

Tajuk : UNIMAS meterai MoU dengan Yamaguchi University dan Tokuyama Corporation

# UNIMAS meterai MoU dengan Yamaguchi University dan Tokuyama Corporation

*Utusan Borneo 30/03/12 m/s: 4*  
**KUCHING:** Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) semalam menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Yamaguchi University (Jepun) dan Tokuyama Corporation (Jepun).

Majlis dua dalam satu itu disaksikan oleh Menteri Muda di Jabatan Ketua Menteri (Promosi Pendidikan Teknikal) Datuk Len Talif Salleh.

MoU berkenaan ditandatangani oleh Naib Canselor, Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid mewakili UNIMAS, manakala Naib Presiden Yamaguchi University, Prof Hiroshi Matsuda menandatangani bagi pihak universiti dari Negara Matahari Terbit itu dan Seiichi Shiraga mewakili Tokuyama Corporation selaku Penasihat syarikat berkenaan.

Khairuddin dalam ucapan aluannya berkata, antara objektif MoU itu ialah menjalinkan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi dan antarabangsa menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan serta usaha sama pintar antara ketiga-tiga pihak.

“MoU ini akan membolehkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dijalankan secara usaha sama antara UNIMAS, Yamaguchi University dan Tokuyama Corporation.

“Kerjasama ini merangkumi bidang pertukaran pelajar, pertukaran kakitangan dan akademik, projek-projek penyelidikan bersama, konsultasi, bertukar bahan penerbitan juga maklumat akademik dan mengendalikan persidangan serta seminar,” jelasnya.

Menurutnya lagi, Tokuyama Corporation akan menaja dua biasiswa untuk pelajar lepasan ijazah UNIMAS melanjutkan pengajian di Yamaguchi University.

Tokuyama juga, katanya, akan menyediakan geran penyelidikan untuk kajian tenaga berkualiti dan mencadangkan penyelesaian kepada permintaan tenaga oleh Tokuyama Sarawak Malaysia Berhad) secara kolektif dengan Yamaguchi University.

Sementara itu, Naib Presiden Yamaguchi University Prof Hiroshi percaya MoU antara ketiga-tiga pihak itu akan merencanakan penyelidikan antara UNIMAS

dan universiti berkenaan serta Tokuyama Corporation selaku industri.

“Universiti amat berbesar hati dengan usaha menjalinkan kerjasama dengan UNIMAS dan kita berjanji untuk membantu melahirkan tenaga kerja berkemahiran dalam industri berat pada masa sama menyumbang kepada pembangunan ekonomi Sarawak,” katanya.

Bagi penasihat Tokuyama Corporation, Seiichi Shiraga, jalinan kerja sama antara syarikat berkenaan dengan UNIMAS akan membantu memenuhi permintaan kira-kira 300 tenaga mahir dengan 280 adalah rakyat tempatan untuk ditempatkan di lojinya di zon perindustrian Samalaju, Bintulu apabila ia beroperasi sepenuhnya pada 2013.

“Saya percaya MoU antara UNIMAS, Universiti Yamaguchi dan Tokuyama Corporation akan memajukan lagi sektor tenaga kerja dan teknologi-teknologi industri berat Sarawak khususnya dalam pengeluaran silikon polikristal (polycrystalline silicon),” katanya.